



جابتن كواغن دان فربنداهاراغن نكري

JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI

Aras 2, 3 & 4, Blok Bentara
Kompleks Seri Negeri
Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh
75450 MELAKA

Tel. (ONCC) : 06-333 3333
Faks : 06-231 6489
Laman Web : jkpnm.melaka.gov.my

Rujukan Kami : PNM(KPS)125 Jld.2(42)
Tarikh : 2 Februari 2016

**SEMUA PEGAWAI PENGAWAL
SEMUA KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB
KERAJAAN NEGERI MELAKA**
(Seperti Senarai Edaran)

YB. Datuk Wira / YB. Datuk / Tuan / Puan

**SURAT ARAHAN OPERASI BENDAHARI BIL.01 TAHUN 2016: KEMASKINI MAKLUMAT DATA GAJI
DAN CARUMAN KWSP PEKERJA BAGI TAHUN 2016**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti YB. Datuk Wira / YB. Datuk / Tuan / Puan sedia maklum, YAB Perdana Menteri Malaysia pada 23 Oktober 2015, telah mengumumkan perubahan pada kadar cukai pendapatan individu, semakan potongan individu dan caruman KWSP untuk tahun kewangan 2016.
3. Sehubungan itu YB. Datuk Wira / YB. Datuk / Tuan / Puan dimohon untuk mengambil makluman dan tindakan berikut:-
 - i. Semua kakitangan dipohon untuk mengemaskini maklumat data gaji di borang TP1 (Pelepasan PCB) di sistem SPEKS bagi menyelaraskan perubahan kenaikan cukai pegawai-pegawai Kerajaan Negeri bagi tahun 2016.
 - ii. Sekiranya terdapat pertambahan bilangan anak, anak OKU atau anak yang belajar di Pusat Pengajian Tinggi, sila kemukakan borang perubahan gaji kew 320 ke jabatan ini untuk tindakan selanjutnya.



4. Pihak jabatan dikehendaki melakukan pengemaskinian bagi menyelaraskan semua perubahan maklumat data gaji pegawai-pegawai Kerajaan Negeri selewat-lewatnya pada 8 Mac 2016. Bagi perubahan bulan-bulan berikutnya, sila patuhi arahan penghantaran borang kew 320 sepertimana Surat Arahan Operasi Bendahari Bil.12 Tahun 2015 bertarikh 09 Disember 2015.
5. Perhatian dan tindakan segera daripada YB. Datuk Wira / YB. Datuk / Tuan / Puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG, FASA II"
"BERKAT, TEPAT, CEPAT"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(JAFRI BIN JUNIT) ✓
Bendahari Negeri
MELAKA